

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	30/07/2017C

# Politik Umno tidak takutkan rakyat

Sinar Harian - 30/7/2017 pg. 2

Foto: BERNAMA

**info** • Umno beri keyakinan, harapan pada rakyat

• Parti berbudi, berjasa



Najib melauungkan slogan koramat "Hidup Umno" ketika merasmikan Persidangan Perwakilan Umno Bahagian Parit di MRSM Parit, semalam.

PARIT - Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan parti itu tidak akan bermain dimensi politik menakut-nakutkan, sebaliknya sentiasa beri keyakinan dan pengharapan kepada rakyat untuk terus menaruh kepercayaan kepada parti untuk mentadbir negara.

Perdana menteri berkata, parti yang memainkan politik menakut-nakutkan ialah pihak yang tidak ada kuasa dan mahu menumbangkan tampuk pemerintahan negara.

Menurut Najib, dalam politik ada dua dimensi iaitu politik menakut-nakutkan dan politik harapan di mana Umno sebagai parti yang berkuasa tidak perlu bermain politik untuk menakut-nakutkan rakyat kerana ia akan me-

rosakkan harapan sehingga merugikan rakyat.

"Kita akan berkecamuk, bercelaru, tidak tentu hala, tak ada panduan, tetapi Umno akan terus beri pengharapan kepada rakyat kerana kita buktikan selama 60 tahun Umno memerintah, kitalah parti banyak berbudi dan berjasa dan bawa perubahan kepada Malaysia," katanya ketika berucap merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Parit, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Umno Perak merangkap Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir dan Ahli Parlimen Parit, Datuk Mohd Zaim Abu Hasan.

Untuk itu, Najib berkata, rakyat mempunyai pilihan sama ada mahu memilih pembangkang diterajui DAP atau terus bersama BN yang ditunjangi Umno.

Najib turut menyentuh pembinaan projek Transit Aliran Massa (MRT) sepanjang 51 kilometer yang

secara tidak langsung bantu jana ekonomi luar bandar.

"Orang ada tanya saya buat apa Datuk lambak peruntukan di Lembah Klang. Ni teman nak terangkan ni, Bila kita buat projek di Kuala Lumpur, ekonomi kita bertambah, bila ekonomi bertambah, hasil negara bertambah.

"Bila hasil bertambah, maka kita guna peruntukan itu untuk (disalur) ke luar bandar juga," katanya. - Bernama